

05/02/1997

Peluang kaut untung lumayan di Langkawi

Isa Nikmat

MUSIM perayaan ini juga, tauke kapal kargo di Langkawi berpeluang mengisi penuh ruang muatannya dengan kenderaan warga yang akan pulang ke kampung masing-masing.

Cukuplah juga gambaran di pelabuhan itu untuk menyaksikan bagaimana penduduk dan golongan yang bekerja di Langkawi berpeluang membeli kereta mewah, buatan luar negara dan sering menjadi kebanggaan golongan menengah di tanah besar Semenanjung.

Tetapi jika hendak melihat lebih dekat kemakmuran yang semakin meningkat di sini, tempahlah tiket feri atau kapal terbang untuk masuk menerusi dua pintu rasmi utama ke Langkawi iaitu Jeti Kuah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat.

Sebenarnya pengunjung Langkawi saja dianggarkan berbelanja hampir RM2 bilion setahun di sini. Jangkaan ini dianggarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Kedah, Abdullah Hasnan Kamaruddin berasaskan purata tahunan jumlah pelancong iaitu dua juta orang dan setiap seorang berbelanja RM1,000 untuk tujuan penginapan, makanan, membeli keperluan harian, pengangkutan, rekreasi dan cenderamata.

Perangkaan terbaru yang diumumkan oleh Kerajaan Kedah, seramai 1.71 juta pelancong mengunjungi Langkawi tahun lalu.

Anggaran purata jumlah perbelanjaan setiap pelancong itu ada benarnya kerana sekurang-kurangnya golongan berpendapatan tinggi membelanjakan sebanyak RM1,000 seorang untuk penginapan dan makanan.

Yang berpendapatan sederhana, biasanya ke sini membeli pinggan-mangkuk dan kain bernilai hampir RM500 seorang.

Berdasarkan perangkaan dan anggaran itu, jelas sebabnya orang Langkawi mampu menikmati pelbagai faedah pembangunan, tidak termasuk menyewakan rumah dan tanah.

Cuma penduduk asal mahupun yang datang dari tanah besar Semenanjung, Sabah dan Sarawak mestilah rajin berfikir dan kuat kerja mencari rezeki.

Bagaikan kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berbuka puasa di sini, Sabtu lalu, pembangunan dan kemasyhuran Langkawi mewujudkan pelbagai peluang, termasuk menjual pisang goreng.

Jika dulu, ramai yang berpendapat tiada yang menarik untuk tinggal dan berniaga di Langkawi, kini ada banyak sebab untuk berbuat demikian.

Sebagai orang surat khabar dengan sedikit ilmu perniagaan, dapatlah saya menghidu pelbagai peluang termasuk penerbitan tempatan yang berupaya mengaut keuntungan dalam jangka pendek dan panjang.

Jika syarikat besar seperti kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) yang merangkumi Berita Harian, pastinya keuntungan boleh saja dicatat dalam jangka pendek.

Namun strateginya mestilah tepat. Walaupun mungkin jumlah pembaca tidak sebesar saiz penduduk sesebuah negeri di Malaysia, tetapi ia berkeupayaan menjadi akhbar yang diminati hampir semua warga dan pengunjung Langkawi serta orang yang tinggal di bahagian lain Kedah dan penduduk Perlis.

(END)